
Pendekatan-Pendekatan dan Strategi Pendidikan Pencegahan Salahgunaan Dadah

Dr. Maznah Ismail, Dr. Choo, P.F. & Hoo, S.K.
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia

This paper attempts to provide an overview of several major approaches and strategies used in the drug prevention programmes. It attempts to explain the basic rationale of drug abuse prevention programmes and to discuss three major approaches, viz, knowledge/attitude approach, value approach and psycho-social competency approach. In addition, the discussion will also dwell on some of the strategies used in each of these approaches.

Pengenalan

Masalah salahgunaan dadah di kalangan remaja di Malaysia sudah menjadi kenyataan umum. Mariana Mustafa dan Mohd. Rozali Mohd. Ali (1986) melaporkan bahawa dalam jangkamasa 15 tahun, iaitu dari 1970 hingga 1985, seramai 110,363 orang penagih dadah telah dikesan. Sejak 5 tahun kebelakangan ini bilangan penagih dadah yang telah dikenalpastikan adalah 10,391 orang (1981); 13,363 orang (1982); 14,624 orang (1983); 11,914 orang (1984) dan 6,138 orang (1985). Selanjutnya 12.5% dari penagih-penagih ini mula menagih pada umur antara 15 — 19 tahun.

Sehubung dengan ini, kajian-kajian yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubatan-Ubatan Universiti Sains Malaysia menunjukkan bahawa 11.5% dari 16,166 pelajar sekolah yang ditinjau melaporkan bahawa mereka biasa terlibat dalam penggunaan dadah (Navaratnam, 1981). Juga didapati bahawa 30% dari pengguna remaja ini mula menggunakan dadah sebelum umur 19 tahun. Tambahan pula bukti-bukti menunjukkan perkembangan baru, iaitu penglibatan remaja dalam pelbagai jenis dadah. Dengan ini jelaslah penglibatan pelajar-pelajar sekolah dalam salahgunaan dadah suatu masalah genting yang perlu dibendung supaya dari awal lagi akibat buruk penagihan dadah dapat dicegah. Oleh sebab masalah salahgunaan dadah satu masalah yang kompleks, maka kaedah pencegahan yang pelbagai pendekatan mungkin lebih sesuai dari kaedah yang berteraskan sesuatu pendekatan sahaja.

Tujuan

Rencana ini bertujuan meninjau beberapa pendekatan dan strategi utama dalam rancangan-rancangan pencegahan salahgunaan dadah. Selanjutnya perbincangan juga akan menyentuh implikasi pendekatan-pendekatan dan strategi-strategi ini kepada usaha-usaha merancang program pendidikan pencegahan salahgunaan dadah di Malaysia.

Pengguna Dadah

Dalam rencana ini istilah pengguna dadah merujuk kepada individu yang mengguna dadah bukan untuk tujuan perubatan. Ini termasuklah mereka yang menggunakan dadah secara sedar atau tidak sedar bagi menampungkan keadaan sosial dan psikologinya yang telah rosak.

Dari segi pengguna dadah, perbincangan dapat dibuat pada paras kognitif dan afektif pengguna. Kedua paras ini berkait rapat antara satu sama lain. Paras kognitif pengguna merujuk kepada pengetahuan, kefahaman dan tanggapan pengguna mengenai penggunaan dadah dan akibatnya. Paras afektif pula merujuk kepada perasaan pengguna terhadap penggunaan dadah mereka. Beberapa kajian yang bertumpuan kepada aspek kognitif adalah seperti yang dilaporkan oleh De Haes & Schurrman 1975; McClellon, 1975; dan Witmer, 1978. Sementara itu kajian-kajian yang meneliti aspek afektif adalah seperti yang dibuat oleh Botvin, 1983; Jones, 1981; Rokeach, 1983; Segal, 1975; dan Toler, 1975.

Rancangan-rancangan anti-dadah dapat dibahagikan kepada tiga jenis bergantung kepada kumpulan sasaran. Mengikut Fazey (1979), rancangan-rancangan anti-dadah disediakan untuk golongan-golongan berikut:

- (i) mereka yang belum pernah menyalahgunakan dadah,
- (ii) mereka yang kadangkala menyalahgunakan dadah,
- (iii) mereka yang merupakan penagih dadah.

Tumpuan utama rencana ini adalah membincangkan beberapa pendekatan dan strategi yang terdapat dalam rancangan-rancangan anti-dadah yang dituju khas kepada mereka yang belum pernah menyalahgunakan dadah, iaitu rancangan-rancangan yang bercorak pencegahan asas.

Dalam rancangan pencegahan salahgunaan dadah, langkah yang asas adalah menyediakan pendidikan anti-dadah secara formal atau tidak formal bagi mereka yang belum pernah menyalahgunakan dadah.

Kebanyakan rancangan pendidikan anti-dadah berasaskan sekurang-sekurangnya satu daripada pendekatan-pendekatan berikut:

- (i) pendekatan pengetahuan/sikap
- (ii) pendekatan nilai
- (iii) pendekatan kecekapan psiko-sosial

Bagi sesuatu pendekatan pula terdapat beberapa strategi yang boleh digunakan.

I. Pendekatan Pengetahuan/Sikap

Di antara ketiga-tiga pendekatan, pendekatan pengetahuan/sikap merupakan pendekatan yang paling biasa digunakan. Dalam satu tinjauan ke atas 127 program pencegahan salahgunaan dadah, Schaps dan rakan-rakan (1981), mendapati 54% dari program-program ini menggunakan pendekatan "memberi maklumat" sementara 30% memberi tumpuan kepada perubahan sikap dan tingkahlaku. Pendekatan ini mengandaikan bahawa pengetahuan individu mengenai akibat buruk salahgunaan dadah dapat mengurangkan kemungkinan individu terlibat dalam masalah ini. Oleh itu, pendekatan ini cuba meningkatkan pengetahuan individu mengenai kesan buruk menyalahgunakan dadah baik dari segi kesihatan maupun dari segi undang-undang. Strategi-strategi yang seringkali digunakan termasuklah strategi "memberi maklumat" dan "taktik menakutkan". Strategi "memberi maklumat" merupakan strategi yang paling popular digunakan bagi menyampaikan keterangan mengenai kesan salahgunaan dadah kepada kumpulan sasaran melalui ceramah-ceramah, perbincangan secara kumpulan kecil dan pembelajaran individu. Berbagai alat pandang-dengar seperti filem-filem

sisipan dan tape seringkali digunakan supaya penyampaian lebih berkesan. Selain dari itu, media-massa merupakan saluran yang penting bagi menyampaikan maklumat ini. Bagi kumpulan remaja interaksi kumpulan sebaya dapat merupakan cara yang berkesan untuk tujuan ini.

Strategi "taktik menakutkan" pula cuba mencegah individu daripada menyalahguna dadah dengan menimbulkan perasaan takut/tidak senang terhadap penggunaan dadah. Dalam strategi ini, pengetahuan mengenai dadah dan kesannya disampaikan dengan tumpuan kepada akibat buruk penggunaan dadah. Seperti strategi "memberi maklumat", keterangan mengenai salahgunaan dadah yang menakutkan disampaikan melalui ceramah, perbincangan kecil, tayangan filem, pameran dan media-massa.

Contoh-contoh rancangan yang menggunakan strategi-strategi ini adalah seperti yang dilaporkan oleh Dorn (1977), DeHaes & Schuurman (1975), Duncan (1979), Mathews (1975), dan Swift, Dorn & Thompson (1974). Pengkaji-pengkaji ini mendapati bahawa strategi "memberi maklumat" dan strategi "taktik menakutkan" berkesan hanya untuk jangka masa pendek. Misalnya De Haes & Schuurman (1975) melaporkan bahawa kedua-dua strategi ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai kesan dadah. Tetapi maklumat ini kekal setakat tiga bulan sahaja. Begitu juga strategi "taktik menakutkan" berhasil menimbulkan sikap negatif pelajar terhadap dadah. Kesan ini luput selepas tiga bulan.

Sebagai kesimpulan boleh dikatakan bahawa pendekatan pengetahuan/sikap adalah kurang berkesan kerana andaiannya yang agak sempit. Ia mengandaikan bahawa pengetahuan mengenai dadah dapat mengubah sikap seseorang itu terhadap bahan ini. Sehubungan dengan ini Goodstadt (1978) mengatakan bahawa pertalian, sama ada positif atau negatif antara pengetahuan mengenai dadah, sikap terhadap dadah dan penggunaan dadah tidak dapat merupakan justifikasi untuk menyimpulkan bahawa perubahan kepada pengetahuan atau sikap akan membawa perubahan kepada tingkahlaku mengguna dadah. Ini adalah kerana faktor-faktor lain seperti norma-norma sosial dan dorongan juga mempengaruhi tingkahlaku dan sikap. Oleh itu perkara-perkara ini perlu diambil kira dalam perancangan sesuatu pendidikan pencegahan dadah.

Sebenarnya sebelum tahun-tahun 1970an, kebanyakan usaha pendidikan anti-dadah berasaskan strategi 'taktik menakutkan'. Kebanyakan maklumat anti-dadah disampaikan dengan tujuan menimbulkan perasaan takut atau tidak senang sebagai langkah untuk mencegah individu daripada menyalahgunakan dadah (Bukoski, 1979; Wepner, 1979). Corak pendidikan ini gagal mencapai tujuannya. Pada tahun-tahun pertengahan 1970an, konsep pendidikan anti-dadah diperbaharui dan ia lebih merupakan suatu proses pembelajaran untuk membantu individu dalam perkembangan afektifnya, (Bukoski, 1979). Berekuran pandangan baru ini, maka strategi-strategi pencegahan lebih memberi tumpuan kepada perkembangan kemahiran psiko-sosial yang berkaitan dengan pembinaan kemahiran penyelesaian masalah/membuat keputusan, penjelasan nilai, pengurangan ketegangan dan kemahiran perhubungan antara persaorangan. Strategi yang berteraskan penyampaian maklumat semata-mata kurang ditegaskan.

II. Pendekatan Nilai

Pendekatan ini muncul hasil ketidakpuasan hati terhadap pendekatan pengetahuan/sikap atas sebab-sebab yang disebut di atas. Selain dari itu kesedaran akhir-akhir ini tentang potensi nilai yang merupakan landasan dan pengaruh kepada tingkahlaku juga telah menggalakan berbagai program pendidikan yang berasaskan unsur-unsur nilai.

Nilai dianggap aspek yang asas kepada sistem kepercayaan seseorang itu. Sementara itu sistem kepercayaan dipercayai mempengaruhi tingkahlaku dan sikap (Rokeach, 1983). Berdasarkan andaian ini, untuk mengubah tingkahlaku maka perlu mengubah nilai. Dari

segi pendidikan pencegahan penggunaan dadah, pengurangan tabiat ini dijangka dapat berlaku dengan meningkatkan kefahaman diri, penjelesaian nilai dan kemahiran membuat keputusan yang bertanggungjawab. Oleh itu pendekatan nilai menggalakan individu meneliti keperluannya serta nilainya dan peranan tabiat menggunakan dadah untuk mencapai keperluannya. Walaupun pendekatan ini telah menggalakan berbagai program pendidikan anti-dadah, keberkesanan program-program ini dari segi mengurangkan tabiat menggunakan dadah masih belum dapat ditentukan dengan muktamad. Apabila mengulas tentang pendekatan ini Goodstadt (1978) menegaskan beberapa isu mengenainya. Misalnya kekeliruan yang terdapat dalam pengkonsepsian dan pelaksanaan program-program tertentu yang mempunyai unsur nilai. Selanjutnya hasil kajian mengenai kesan sesuatu program ke atas nilai seseorang itu adalah kabur atau bertelingkah. Sementara itu masih kurang bukti kajian bagi memahami dengan lebih jelas perhubungan antara nilai dengan penggunaan dadah, peranan konsep sendiri dalam tingkahlaku lencung dan apakah tindakan-tindakan lain sekiranya nilai seseorang itu menyokong penggunaan dadah. Sehubungan dengan ini Goodstadt (1978) telah menyarankan perlu mengambil pandangan yang lebih luas mengenai nilai, iaitu yang merangkumi implikasi-implikasi etik, aspek-aspek sosiologi dan psikologi serta juga proses-proses pendidikan yang terlibat dalam penjelasan, perubahan, dan pengukuhan nilai dan tingkahlaku. Dia juga mencadangkan supaya lebih perhatian diberi kepada hasil kajian mengenai perkembangan moral dan kognitif supaya pengajaran sesuai dengan peringkat perkembangan kumpulan sasaran.

III. Pendekatan Kecekapan Psiko-sosial

Pendekatan ini merupakan pendekatan yang baru diperkenalkan ke dalam bidang pendidikan anti-dadah. Pendekatan ini mengandaikan bahawa individu menyalahgunakan dadah oleh kerana kurang kemahiran psiko-sosial yang sesuai. Maka pendekatan ini menekankan pembinaan kecekapan sosial individu melalui perkembangan kemahiran hidup yang asas dan penguasaan kemahiran dan pengetahuan yang dapat membantu individu itu menahan diri dari berbagai tekanan psikologi dan desakan sosial yang boleh mengakibatkan penggunaan dadah.

Strategi-strategi dalam pendekatan ini dapat dibahagikan kepada tiga jenis:

- A. latihan kemahiran sosial
- B. program meningkatkan kesihatan
- C. program pelbagai aktiviti gantian

A. Latihan Kemahiran Sosial

Satu strategi yang agak popular dalam pendekatan Kecekapan Psiko-sosial adalah strategi latihan kemahiran sosial. Strategi ini mengandungi berbagai rancangan anti-dadah bagi menolong individu membina kemahiran menghadapi tekanan-tekanan supaya menggunakan dadah, iaitu tekanan-tekanan dalam diri (intrapersonal) dan tekanan-tekanan antara perseorangan (interpersonal).

Terdapat tiga jenis latihan kemahiran yang sering digunakan, iaitu:

1. latihan kemahiran untuk individu
2. latihan kemahiran untuk keluarga
3. latihan kemahiran khas untuk remaja

1. Latihan kemahiran untuk individu

Contoh latihan kemahiran untuk individu ialah Latihan Kemahiran Hidup (Life Skill Training) yang disarankan oleh Botvin (Botvin,1983). Strategi ini bertujuan membina kemahiran peribadi dan kemahiran sosial yang am dengan memberi tumpuan kepada perkembangan kecekapan menghadapi tekanan sosial untuk mengguna dadah. Oleh itu strategi ini menekan berbagai teknik kognitif-ketingkahlakuan khususnya untuk meningkatkan keupayaan pelajar untuk menghadapi perasaan bimbang dengan lebih berkesan dan bertindak dengan lebih cekap apabila berada dalam situasi sosial. Antara teknik-teknik yang terdapat dalam program ini termasuklah cara-cara meninggikan konsep sendiri, keupayaan menahan tarikan untuk menggunakan dadah, kebolehan mengawal perasaan kebimbangan, kemahiran komunikasi dan berbagai kemahiran sosial lain.

Dalam perkataan lain, pelajar mempelajari berbagai kemahiran peribadi dan sosial untuk meningkatkan kecekapan am dan juga mengurangkan kemungkinan keinginan menggunakan dadah. Selain dari itu dia juga berpeluang berlatih menggunakan kemahiran-kemahiran ini dalam situasi di mana mungkin terdapat tekanan sosial untuk menggunakan dadah.

2. Latihan kemahiran untuk keluarga

Strategi ini mengandaikan bahawa remaja menyalahgunakan dadah disebabkan perhubungan anak-ibubapa yang kurang memuaskan, kurang kemahiran keibubapaan (parenting skills) atau untuk menjadi contoh yang sesuai (parent modelling), atau kerana suasana yang tegang dan berpecahbelah dalam keluarga. Rose, Battjes & Leukefeld (1984) telah menjelaskan beberapa program latihan kemahiran hidup keluarga (family-life skills). Program-program ini terbahagi ke dalam dua kategori besar, iaitu program-program yang bertumpuan kepada pembinaan kecekapan keibubapaan. Contohnya adalah Latihan Kecekapan Ibubapa oleh Gordon (1970) (Parent Effectiveness Training); Program Pendidikan Ibubapa oleh Ginott (1969) (Parent Education Program); Latihan Sistematis Kecekapan Keibubapaan (Systematic Training for Effective Parenting), (Cromwell,1981).

Program-program dalam kategori kedua bertumpuan kepada pemupukan interaksi ibubapa-anak yang membina. Oleh itu kedua-dua ibubapa dan anak-anak mereka terlibat dalam latihan-latihan yang diberi kepada mereka. Contohnya ialah program Memperkukuhkan Perhubungan dalam Keluarga oleh Guerney (1977) (Relationship Enhancement); program Pengkukuhan Berstruktur oleh L'Abate (1975) (Structured Enhancement) ; program "Memahami Kita" oleh Carnes (1981) (Understanding Us).

Rose, Battjes & Luekefeld (1984) menyatakan bahawa kajian penilaian ke atas program-program ini masih kurang. Namun demikian, mereka berpendapat program-program ini mempunyai potensi sebagai suatu pendekatan pencegahan penggunaan dadah ramaja. Mereka telah mengutarakan beberapa kebaikan program-program ini seperti:

- a. pada umumnya penegasan adalah kepada pembinaan kesihatan yang berbeza dari penegasan pengurangan penyakit.
- b. andaiannya bahawa keluarga berupaya mengawal keadaannya.
- c. program-program ini tidak begitu mahal dan atau susah didapati.
- d. berpotensi berkesan untuk kesihatan keluarga.

3. Latihan untuk remaja

Strategi ini mengandaikan bahawa remaja menyalahgunakan dadah kerana kurang kemahiran untuk menahan desakan atau tekanan dari luar, misalnya dari rakan sebaya untuk menggunakan dadah. Oleh itu strategi ini menekan peranan kumpulan sebaya untuk mengujudkan perkembangan sosial yang sihat. Durell (1983) telah menunjukkan bagaimana strategi yang menumpukan kepada model peranan sebaya yang positif sama ada dalam kelas atau melalui tayangan tape telah digunakan dengan berjaya untuk melatih pelajar-pelajar menolak tawaran menggunakan rokok. Oleh itu beliau berpendapat bahawa strategi "tidak mahu" ("no" strategy) ini berpotensi digunakan untuk melatih pelajar-pelajar menahan tekanan sebaya supaya terlibat dalam penggunaan dadah.

Contoh-contoh lain strategi ini adalah Projek CLASP (Perry, et al, 1980); Pendekatan Kumpulan Sebaya (Peer Group Approach) (Smart, Bernet & Fejeri, 1976); dan program pembelajaran kerjasama (Johnson, 1980).

B. Strategi Meningkatkan Kesihatan

Strategi kedua dalam pendekatan Kecekepan Psiko-sosial bertumpuan kepada cara-cara meningkatkan kesihatan. Konsep kesihatan meliputi kesihatan fizikal, kesihatan psikologi dan kesihatan peribadi (Perry & Jessor, 1983).

Strategi ini mempunyai tujuan dua serampang, iaitu untuk menghapuskan atau mengurangkan tingkahlaku yang boleh mengancamkan kesihatan dan dalam pada itu menggalakkan tingkahlaku yang berfaedah kepada kesihatan. Misalnya kempen-kempen kesihatan yang bertujuan meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan keinginan orang ramai untuk mengujudkan perubahan alam sekitar yang luas. Begitu juga rancangan-rancangan pendidikan yang ditujukan khas kepada kumpulan-kumpulan profesyenal seperti pegawai-pegawai kesihatan. Rancangan-rancangan ini menegaskan perubahan dalam komuniti individu itu. Rancangan-rancangan lain pula bertumpuan kepada perubahan persekitaran sosial melalui projek-projek yang melibatkan pemimpin-pemimpin masyarakat, misalnya mengadakan kumpulan-kumpulan petugas untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti kesihatan. Beberapa contoh strategi ini adalah seperti Georgia Life Skills for Mental Health Programme (Duswicz et al, 1981); The International Know Your Body Program (Vartianinen, 1982; Tell, 1982); dan The Standford Heart Disease Prevention Program (Perry & Jessor, 1983).

C. Program Pelbagai Aktiviti Gantian

Berbagai aktiviti gantian dirancangan bagi menjauhkan remaja daripada terlibat menggunakan dadah. Strategi ini mempunyai andaian bahawa individu-individu terjerumus dalam masalah dadah kerana tiada aktiviti lain yang berfaedah yang dapat memberi kepuasan kepada mereka. Dengan adanya aktiviti-aktiviti gantian, mereka berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ini dan dengan itu dapat menyedari tentang faedah aktiviti-aktiviti ini kepada mereka dan kepada orang lain. Selain daripada itu aktiviti-aktiviti ini dapat memberi keseronokan kepada mereka tanpa menggunakan dadah. Perkara utama adalah aktiviti-aktiviti gantian ini dapat mengujudkan perhubungan sebaya yang membina dan memupuk semangat bekerjasama sesama remaja. Swisher & Hu (1983) menerangkan empat model rancangan gantian untuk remaja, iaitu,

1. model yang mengadakan aktiviti-aktiviti khusus untuk remaja,
2. model yang cuba memadankan aktiviti-aktiviti dengan keperluan-keperluan tertentu remaja,

3. model yang menggalakkan remaja untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang sedia ada,
4. model yang memberi sokongan kepada usaha-usaha remaja memulakan aktiviti-aktiviti sendiri.

Model pertama melibatkan penubuhan atau pembukaan pusat-pusat belia di mana aktiviti-aktiviti yang diminati oleh remaja dapat dibekalkan. Misalnya kelab renang, kelas masak-memasak, kelab komputer dan kegiatan-kegiatan amal jariah. Jessor & Jessor (1977) telah menunjukkan bahawa penglibatan dalam kegiatan-kegiatan keagamaan berkait rapat dengan pengurangan penglibatan remaja dalam penggunaan dadah.

Model kedua cuba memadankan aktiviti-aktiviti gantian dengan keperluan-keperluan tertentu remaja. Contohnya adalah model Cohen (Cohen, 1971) yang menyarankan berbagai aktiviti gantian bagi tiap-tiap tahap keperluan remaja yang telah dikenalpastikan. Dengan ini remaja dapat memenuhi keperluan-keperluan khususnya. Misalnya olahraga, senaman dan berbagai kegiatan luar dapat memberi kepuasan fizikal, menghilangkan rasa sakit, menambahkan tenaga dan merehatkan badan.

Model ketiga merupakan rancangan untuk mengalakan remaja, terutama sekali mereka yang belum terlibat dalam mana-mana aktiviti-aktiviti untuk menyertai dalam aktiviti-aktiviti yang sedia ada dan mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti ini. Rancangan ini yang menegaskan interaksi antara rakan sebaya amat bergantung kepada kecekapan komunikasi sebaya untuk berjaya. Model terakhir merupakan model yang berasaskan perhubungan sebaya yang membina. Model ini menegaskan usaha untuk menggalak remaja untuk mengujudkan persatuan atau kelab-kelab sendiri untuk memulakan aktiviti pilihan mereka. Model ini mengandaikan bahawa remaja-remaja dapat bertindak dengan bertanggungjawab dan memilih aktiviti-aktiviti yang sesuai dan berfaedah bagi mereka. Perhubungan sebaya yang membina dan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kumpulan yang mereka pilih sendiri dijangka dapat menjauhkan mereka daripada penggunaan dadah.

Pendekatan psiko-sosial merupakan pendekatan yang terbaharu dan yang cuba melihat masalah salahgunaan dadah dari berbagai sudut. Walaupun keberkesanan pendekatan ini masih belum dapat ditentukan dengan pastinya, pendekatan ini telah menghasilkan berbagai strategi dan program yang memperlihatkan hasil yang menggalakan. Namundemikian, Moskowitz (1983) menarik perhatian bahawa masih perlu banyak bukti kajian tentang bagaimana faktor-faktor sosial mengakibatkan tabiat mengguna dadah.

Mengenai program-program aktiviti-aktiviti gantian, Schaps & rakan-rakan (1981) telah menunjukkan bahawa di antara 127 kajian yang mereka tinjau, hanya 12 merupakan program aktiviti gantian. 7 dari jumlah ini tidak memperlihatkan apa-apa kesan sementara 5 lagi menghasilkan kesan positif. Kejayaan yang diperlihatkan adalah kecil. Namundemikian, strategi ini berpotensi untuk diperkembangkan dan dikaji lagi.

Selanjutnya Schaps & rakan-rakan (1981) melaporkan bahawa antara 10 kajian yang dikenalpasti sebagai kajian yang lengkap, 9 darinya telah menggunakan strategi tumpuan afektif atau strategi rakan sebaya sahaja atau kombinasi strategi-strategi ini dengan strategi-strategi lain. Sebaliknya program yang menggunakan strategi "memberi maklumat" sahaja telah menghasilkan kesan negatif.

Implikasi kepada Pendidikan Pencegahan Salahgunaan Dadah di Malaysia

Masalah salahgunaan dadah adalah masalah yang kompleks. Kajian-kajian ke atas berbagai cara mengatasi masalah ini telah menghasilkan bukti-bukti yang berbelahbagi. Namundemikian dapat ditarik beberapa kesimpulan yang boleh menjadi panduan kepada usaha-usaha mengadakan rancangan pendidikan pencegahan salahgunaan dadah.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa rancangan pencegahan yang bertumpuan kepada sesuatu pendekatan dan strategi sahaja kurang berkesan. Misalnya program-program yang berfokuskan pendekatan meningkatkan maklumat sahaja didapati kurang berkesan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku walaupun ianya berjaya menambahkan pengetahuan kumpulan sasaran mengenai bahaya dadah. Ini mungkin kerana kejadian masalah salahgunaan dadah timbul dari berbagai sebab. Mengenai hal ini Bry (1983) mengusulkan bahawa bukan sesuatu jenis faktor tetapi bilangan faktor yang menyebabkan berlakunya salahgunaan dadah. Iaitu semakin bertambah faktor-faktor yang menimbulkan tekanan kepada individu itu maka semakin besar kemungkinan individu itu cenderung terjerumus ke dalam masalah dadah. Dari itu masalah ini perlulah dilihat dari berbagai perspektif dan diselesaikan dengan pendekatan yang berbentuk pelbagai corak (multi mode). Misalnya pendekatan psiko-sosial yang bukan sahaja bertumpuan kepada pembinaan kesihatan keseluruhan individu tetapi juga kemahiran menghadapi tekanan-tekanan luar supaya mengguna dadah. Pendekatan ini mempunyai potensi yang harus dikaji lebih lanjut untuk kegunaan dalam program pendidikan pencegahan penggunaan dadah di kalangan remaja.

Masalah salahgunaan dadah bukan masalah individu sahaja. Persekitaran memainkan peranan penting mempengaruhi individu terlibat ke dalam masalah ini. Oleh itu program pencegahan perlu menitikberatkan persekitaran di mana individu hidup, misalnya keadaan hidup dalam keluarga, peranan agensi-agensi dan institusi-institusi dalam masyarakat. Durell (1983) berpendapat bahawa satu pendekatan yang berfaedah adalah pendekatan makro (macro approach) yang menekan keseluruhan persekitaran di mana kanak-kanak itu hidup. Pendekatan ini menitikberatkan langkah-langkah mengadakan suasana yang bebas dari dadah. Menurut penulis ini bukti telah menunjukkan kejayaan pendekatan ini mengurangkan kadar remaja memulakan penggunaan rokok. Oleh itu mungkin juga ia dapat digunakan dalam usaha mencegah permulaan penggunaan dadah. Strategi-strategi yang boleh digunakan termasuklah kempen-kempen awam bagi menimbulkan kesedaran dan dorongan supaya memberentaskan wabak dadah. Strategi yang lain melibatkan kerjasama antara ibubapa dengan sekolah dan agensi-agensi lain dalam masyarakat bagi mengujudkan suasana yang dapat menyampaikan kepada golongan remaja meseg anti-dadah.

Dengan ringkasnya, dapatlah disimpulkan bahawa program pendidikan anti-dadah perlu merupakan rancangan pelbagai corak dan merangkumi berbagai lapisan masyarakat selain daripada individu itu sendiri.

Rujukan

- Botvin, G.J.: Prevention of adolescent substance abuse through the development of personal and social competence. In Glynn, T. J. et al.: *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. National Institute on Drug Abuse Research Mono. 47: 115 – 140, 1983.
- Bry, B.: Empirical foundations of family-based approaches to adolescent substance abuse. In Glynn, T.J. et al.: *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. National Institute on Drug Abuse Mono. 47:154 – 171.
- Bukoski, W.: *Drug abuse prevention evaluation: a meta evaluation process*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Health Association, New York, 1979.
- Carnes, P.: *Family Development Instructor Manual*. Minneapolis: Interpersonal Communication Programmes, 1981.
- Choo, P.F., Maznah Ismail, Navaratnam, V. & Hoo, S.K.: *A Survey of Drug Abuse Prevention Strategies*. Pulau Pinang, Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-ubatan, 1985.
- Cohen, A.Y.: The journey beyond trips: alternatives to drugs. *Journal of Psychedelic Drugs*, 3(2): 16 – 21, 1971.
- Cromwell, R.E.: Primary prevention family-focussed educational models and programmes: a state-of-the-art paper. Unpublished manuscript, submitted to the National Institute on Drug Abuse, 1981.

- De Haes, W. & Schuurman, J.: Result of an evaluation study of three drug education methods. *Int. J. Health Education*. 18 (Supplement to the Oct. Dec. Issue) Vol. 4, 1975.
- Durell, J.: The prevention of drug usage by adolescents & its evaluation. In *Proceedings of the 2nd Pan Pacific Conference On Drugs & Alcohol*, Hong Kong, 27 Nov. - 3 Dec. 1983, m.s. 67-75.
- Dorn, N.: *Teaching Decision-making Skills About Legal And Illegal Drugs*. LONDON. ISDD and AEC, 1977.
- Duncan, D. (1979): Analysis of four teaching approaches and their effort on drug knowledge, behaviour, knowledge, and developmental attitudes towards drugs among seventh grade science students. *Dissertation Abstracts International*, Vol. 40(10): 53Q2A, 1980.
- Dusewicz, R.A. & Martin, M.A.: Impact of a Georgia drug abuse prevention programme. Final evaluation report. *Research for Better Schools, Inc.*, Philadelphia, Mar 1981.
- Fazey, C.: Prevention. In *Study on measures to reduce illicit demand for drugs*. Preliminary Report: 27 - 33, United Nations, New York, 1979.
- Ginott, H.: *Between parent and child*, New York: Avon, 1969.
- Glynn, T.J.: From family to peer: a review of transitions of influence among drug-using youth. *Journal of Youth and Adolescence*. Vol. 10(5): 363-383, 1981.
- Goodstadt, M.S.: Alcohol and drug education: models and outcomes. *Health Education Monographs*. 6(3): 263 - 279, 1978.
- Gordon, T.: *Parent-effectiveness training*. New York: P.H. Hyden, 1970.
- Guernsey, B. (ed.): *Relationship Enhancement: Skill-Training Programmes for Therapy, Problem Prevention and Enrichment*. San Francisco: Jossey - Bass, 1977.
- Jessor, R. & Jessor, S.L.: *Problem Behaviour and Psychosocial Development: A Longitudinal Study of Youth*. New York, Academic Press, 1977.
- Johnson P.W.: Constructive peer relationships, social development, and Cooperative Learning Experiences: Implications for the Prevention of Drug Abuse. *Journal of Drug Education*, 10(1): 7 - 24, 1980.
- L'Abate, L. *Enrichment: Structured Intervention with Couples, Families and Groups*. Washington, D.C.: University Press of America, 1977.
- Legg, J.: *The elementary school mental health project*. A school programme aimed at the promoting of mental health in young children, Reports, 1980.
- Mariana Mustafa & Mohd. Rozali Mohd. Ali : "Kedudukan masalah dadah semasa dan strategi negara." Kertaskerja dibentangkan di *Bengkel Pergerakan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah*, 7-9 Julai, 1986.
- McClellon P.P.: The Pulaski Project. An Innovation Programme in an Urban High School. *Journal of psychedelic drugs* Vol. 7, No. 4, 1975.
- Mathews W.M.: 'A critique of traditional drug education programmes', *J. of Drug Education*, Vol. 5, 1, 1975.
- Moskowitz, J.M.: Preventing adolescent substance abuse through drug education. In: Glynn, T.J. et al., eds. *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. National Institute on Drug Abuse Research, Vol. 47, pp. 233- 249, 1983.
- Navaratnam, V.: *Drug Abuse in East Asia*. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, p. 126.
- Pentz, M.A.: Prevention of adolescent substance abuse through social skill development. In: Glynn, Thomas J. et al., eds. *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. National Institute on Drug Abuse Research vol. 47: 195 - 225, 1983.
- Perry, C.L. et al.: Peer teaching and smoking prevention among junior high students. *Adolescence*, 15(58): 277 - 281, 1980.
- Rose, M.; Battjes, R.; & Leukefeld, C.: *Family Life Skills Training for Drug Abuse Prevention*. National Institute on Drug Abuse Research, Maryland, 1984.

- Perry, C.L.; & Jessor, R.: Doing the cube: Preventing drug abuse through adolescent health promotion. In: Glynn, T.J.et. al., eds. *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. National Institute on Drug Abuse Research, Vol. 47 51 – 75, 1983.
- Rokeach, M.: A value approach to the prevention and reduction of drug abuse. In Glynn T.J. et al. (eds) *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. National Institute on Drug Abuse Research, Vol. 47, 1172-1194, 1983.
- Schaps, EG.; DiBartolo, R.; Moskowitz, J.G.; Palley, C.S. & Churgin, S.: A review of 127 drug abuse prevention program evaluations. *Journal of Drug Issues*, No.11(a), 17-43, 1981.
- Segal, B.: Personality factors related to drug and alcohol use. In: Lettieri, D.J., ed. *Predicting Adolescent Drug Abuse: A Review of Issue, Methods and Correlates*. National Institute on Drug Abuse, Rockville, Maryland, December, 1975, pp. 165 - 191.
- Smart, R.R., Bennett, C.; and Fejer. D. : A controlled study of the peer group approach to drug education. *Journal of Drug Education*, 6(4): 305 - 311, 1976.
- Swift, B., Dorn, N. and Thompson, A.: *Evaluation of Drug Education* (Technical Report) LONDON: ISDD. 1974.
- Swisher, J.D., and Hu, T.W.: Alternatives to drug abuse: Some are and some are not. In: Glynn, T.J., et al., eds. *Preventing Adolescent Drug Abuse: Intervention Strategies*. NIDA Research Monograph 47: 141 – 153, 1983.
- Tell, G.: Factors in influencing dietary habits: experiences of the Oslo Youth Study. In Coates, T.J.; Petersen, A.C.; and
- Perry, C., eds. *Promoting Adolescent Health: A Dialog on Research and Practice*. New York; Academic Press, 1982.
- Toler, C.: The personal values of alcoholics and addicts. *Journal of Clinical Psychology* 31:554 - 557, 1975.
- Vartiainen, E.: *Changes in cardiovascular risks factors during a two year intervention programme among 13 to 15 years old children and adolescents*. Unpublished dissertation. University of Kuopio, Finland, 1982.
- Wepner, S.: Which way drug education? *J. Drug Education* 9 : 92 - 103, 1979.
- Witmer, J.: *A Study of the Joint Embassy School Drug Control and Prevention Programme*. The Americans University, 1978.